

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**

**TARIKH : 04 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan Laporan Centre for Governance and Political Studies, didapati hanya satu sahaja hospital Kerajaan yang berada dalam lingkungan 1 km dari stesen MRT walhal terdapat banyak pusat membeli belah dan komersil yang mempunyai sambungan terus ke stesen. Apakah tindakan Kementerian dalam menangani kelompangan ini bagi memastikan kemudahan MRT dapat memberikan faedah kepada golongan yang kurang berkemampuan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa menyokong pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang mudah sampai. Oleh itu, jajaran rel yang dibangunkan adalah berdasarkan kapasiti permintaan perjalanan ke sesuatu kawasan serta bersepadu dengan perkhidmatan laluan-laluan lain. Bagi menangani jurang kawasan kurang liputan, perkhidmatan bas pengantara turut disediakan.
2. Bagi memastikan semua golongan masyarakat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam yang ditawarkan khususnya untuk ke hospital kerajaan, sebagai contoh terdapat 2 hospital yang boleh diakses melalui perkhidmatan rel berdekatan pada masa ini iaitu (i) Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang mana dapat dihubungkan melalui Monorel di stesen Titiwangsa dan Chow Kit dan laluan LRT Ampang di stesen Titiwangsa serta (ii) Hospital Putrajaya yang dihubungkan dengan perkhidmatan ERL di Putrajaya Sentral. Kedua-dua hospital ini juga akan dihubungkan dengan perkhidmatan MRT2 kelak. Selain itu, kebanyakan hospital-hospital kerajaan lain di Lembah Klang turut dihubungkan dengan perkhidmatan bas.
3. Dari konteks penawaran perkhidmatan yang berpatutan pula, dalam tempoh terdekat juga, Kerajaan akan melaksanakan program pas 30-hari tanpa had bernilai RM100 untuk penggunaan perkhidmatan bas dan rel berintegrasi tanpa had bagi perkhidmatan kendalian Rapid Rail dan Rapid Bus Sdn. Bhd. merangkumi LRT, MRT, Monorel Kuala Lumpur, dan perkhidmatan bas berbayar RapidKL di Lembah Klang serta pas 30-hari tanpa had RM50 bagi perkhidmatan bas RapidKL sahaja.
4. Penggunaan pas-pas ini akan bermula pada 1 Januari 2019 dan dihadkan bagi warganegara Malaysia sahaja. Oleh itu, pengguna boleh mula melanggan pas tanpa had perjalanan selama 30 hari

**NO. SOALAN: 17**

berharga RM100 atau RM50 ini menerusi kad MyKad dan MyTentera dengan fungsi Touch 'n Go sejeurus selepas pelancarannya yang dijangka pada 1 Disember 2018. Dengan adanya bantuan yang disediakan oleh Kerajaan ini, pengguna mampu menggunakan pengangkutan awam pada kadar yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.